

Kebudayaan Islam di Sepanyol

Sumbangan Parsi dan Byzantium di lapangan kebudayaan mengalir ke daerah khalifah Cordova yang diisytiharkan pada tahun 929, demikianlah menurut sarjana Sepanyol Emilio Garcia Gomez, salah satu tulang belakang majalah “*al-Andalus*” yang mempelajari kebudayaan Andalusia - Islam. Dalam bukunya “*Poemas Arábigo – Andaluces*” Garcia Gomez menyatakan: *di Cordova orang bercakap bahasa Arab dan Roma di tingkah gaung loceng-loceng gereja, serentak dengan suara-suara moden-modern. Hidup bersama dari segala bangsa dan segala agama telah mencipta suatu suasana yang murni serupa kebudayaan Baghdad sewaktu tercipta “Seribu Satu Malam”.*

Ilmu pengetahuan, seni bangunan, politik dari abad-abad tersebut sewaktu kerajaan berganti-ganti sudah terkenal agaknya: orang mengetahui bahawa salah satu puncak kebudayaan dunia timbul di daerah Islam yang terbarat ini. Jarang sekali cita-cita dapat menjalar begitu cepat dari timur ke barat seperti pada masa-masa itu, ketika orang dari Sepanyol berdiam di Baghdad, dan kaum sufi Parsi berkembang di daerah seperti Granada dan Toledo.

Kekuasaan-kekuasaan baharu dari padang pasir menyerang Sepanyol di daerah Andalusia, sebagaimana di Gobi, berulang-ulang raja-raja baharu menyerbu tembok besar Tiongkok: dalam kedua peristiwa tersebut mereka yang datang dari luar sesudah beberapa tahun telah terjalin dalam peradaban halus yang didapatinya.

Yang Tidak Dibicarakan di Dalam Sejarah

Siapa yang telah menggantikan kerajaan dunia Romawi? Sekarang masih diajarkan dalam buku-buku sejarah

sederhana, bahawa kerajaan itu terpecah atas bahagian barat dan timur, Roma dan Byzantium, bahawa Roma ditaklukkan oleh bangsa biadab dari utara sampai Charlemagne selama waktu yang singkat mendirikan kerajaan baharu dengan Perancis sebagai pusatnya.

Dalam buku sejarah ini hampir tak ada dibicarakan apa-apa tentang Byzantium yang menjadi ibu kota lingkungan kebudayaan Yunani, atau pun tentang kerajaan Islam yang pada hakikatnya menerima warisan Roma dalam perkembangannya yang cepat.

Laut tengah, beberapa bahagian Turki, Lubnan, Mesir, Tunis, Algeria (dahulunya daerah-daerah yang kaya dengan kebudayaan), Morocco, Sepanyol, termasuk juga pulau-pulau Balears dan Cecilia, sebahagian besar bertalian erat dengan sejarah raja-raja Islam.

Dilihat dari segi politik Roma sudah tak ada lagi, dan seluruh warisan Yunani – Roma pasang surut antara Isfahan dan laut Atlantik: ciptaan Plato masuk ke India, dan ilmu pengetahuan Yunani dan Arab menyusup jauh ke Eropah dan mempengaruhi seorang Dante, seorang Thomas Aquinas.

Daerah kebudayaan Yunani – Islam – Romawi bersuasana sejalan lebih luas daripada sangkaan orang dewasa ini dan orang-orang Yahudi dan Nasrani banyak memberi sumbangan untuk perkembangan dan tersebarnya seni dan ilmu pengetahuan. Selalu kita menemui orang Yahudi, pun waktu itu sudah orang bandar, tidak selalu sebagai pencipta, tetapi sentiasa membawa kebudayaan dari pelabuhan ke pelabuhan simpang siur di Laut Tengah, dari daerah khalifah ke daerah amir, jabatan-jabatan tertinggi.

Lagu-lagu Timur ke Sepanyol

Jauh di sebelah timur, di Suria dan Lubnan, timbullah tempat-tempat kebudayaan orang Perancis setelah Perang Salib pertama, dan di sana berlangsunglah apa yang telah berlangsung tujuh kurun lamanya secara besar-besaran di Sepanyol, perubahan sehari-hari antara aliran-aliran yang masing-masing mengemukakan nilainya. Tak ada yang merupakan pelusuk: segalanya merupakan titik bakar, pusat-pusat. Ketika menyanyi Ziryab harus berpindah dari Baghdad zaman Hārūn al-Rāshīd, Amir ‘Abd al-Rahman kedua Cordova menerimanya dan dengan penyair ini sewaktu pemerintahan Amir tersebut masuklah lagu-lagu timur ke Sepanyol, yang mula-mula hanya didatangi oleh lagu-lagu Parsi – Yunani dan menjadi bentuk ialah lagu-lagu Parsi – Yunani dan menjadi bentuk asal muzik Sepanyol sekarang. Sepanyol memang telah mempelajari, tapi tidak menulis puisi cara Islam. Berkat pengaruh Baghdad dan Parsi berkembanglah seni nasional, seni Andalusia.

Terlebih dahulu kita periksa bagaimana coraknya: soal perkembangan seperti pada puisi Parsi tak ada di dalamnya, bentuknya telah tertentu, sebaliknya isinya sentiasa berubah-ubah menghasilkan motif-motif terindah, dan syair atau sajak besar yang dapat dianggap termasuk yang terbagus dalam sastera Arab.

Bagaikan penajis tempat yang menghasilkan campuran-campuran yang tak disangka-sangka diusahakan oleh ahli-ahli kimia, demikianlah keadaan puisi atau seperti dikatakan Garcia Gomez: “Alhambra yang tercipta dari suara dan kata”. Dan sebagaimana Alhambra di Granada hanya salah satu panggilan dari seluruh kebudayaan Arab Andalusia yang telah mendirikan beratus-ratus Alhambra, demikianlah sarjana Sepanyol itu memberi kenyataan:

“Sebagai buah pohon delima yang lebih berhamburanlah kata dan fikiran yang menjulang-julang, yang kemudian dikumpulkan oleh orang budiman menjadi bunga – rampai”

Kecuali beberapa kumpulan (diwan) yang lengkap dan beberapa “qaṣīdah” yang termasyhur, sebagian besar dari puisi Arab – Andalusia sampai kepada kita dalam pecahan-pecahan, hancur menjadi debu-debu, sekalipun debu intan yang berkilau.

Seni Sastera

Dalam beberapa buku, terkenal atau tidak, yang memperkatakan Islam di Sepanyol seperti “*The Legacy of Islam*”, seni sastera tak begitu diutamakan.

Hal ini sangat mengecewakan, oleh kerana semasa itu puisi masih sebuah alat yang sempurna untuk menyelami suasana jiwa. Ia merupakan Roman dan sejarah, tari dan muzik, perintang waktu bagi kaum politik dahulu, seperti golf atau billiard dewasa ini.

Di antara penyair sastera Sepanyol termasuk juga jeneral-jeneral Islam dan laksamana Nasrani. Band puisi emosional, dibantu oleh muzik yang sudah difahamkan, sentiasa menjadi alat perhubungan jiwa antara manusia dan bangsa-bangsa pada masa pancaroba buku-buku dapat dilarang atau dibakar, gedung indah dimusnahkan oleh kerana keturunan bodoh menganggapnya telah kuno, tetapi terhadap muzik tak ada yang dapat dibuat: ia menyusup, dan barang siapa hendak mendengarnya, langsung dapat memasukinya. Puisi lebih terikat pada bahasa, tetapi bentuk puisi dapat merembet dari satu ke lain bahasa.

Dan di sini hendak saya kemukakan salah satu persoalan dalam lapangan yang kita bicarakan: apa

timbulnya puisi campuran dengan isi lagunya yang mengandung cinta murni bukan akibat lirik Arab, istimewa lirik Andalusia.

Tentang soalan ini sarjana Perancis Peiris¹ telah mengarang sebuah buku, dan baharu-baharu ini juga sarjana bangsa Tesih², Naikel³ (“Hispano – Arab Puteri”) Naikel menarik kesimpulan bahawa, selain dari isi puisi tersebut, bentuk adalah kedudukan yang menentukan sewaktu terciptanya puisi – campuran di Perancis, berhubung dengan adanya saling pengaruh antara kebudayaan Sepanyol – Islam, Sepanyol – Nasrani dan Perancis pada tahun-tahun sebelum 1100. Saya kutip di bawah ini kata penutup dalam buku tersebut: “puisi adalah hakikat sejarah dan kebudayaan manusia”

Memang mungkin perkembangan pasaran kapal terbang dan dan tempat pemisah kimia tak memberi kelulusan dan kesempatan bagi studi-studi kemanusiaan, namun, merapatkan sesama manusia hanyalah jiwa, keindahan dan budi yang dapat melaksanakannya.

Bukunya yang membuktikan ini dengan tepat, menghormati satu kebudayaan yang baharu sekurun dipelajari dan yang tambah dikagumi. Setelah Wegeres⁴ dan Hogeblith⁵ dan kemudian Dozi⁶ mengemukakan seni sastera al-Andalusia dalam terjemahan dari tahun 1831, terbukalah bagi kita kesempatan untuk menyaksikan betapa besarnya warisan yang harus diteruskan oleh manusia dewasa ini kepada manusia esok dan betapa banyaknya kita harus memakai

Hampir Siap:

PERSURATAN MELAYU III

\$6.00 sa-naskhah


Penerbitan Qalam:

keadaan tinggi jika kita sekarang hendak mengkaji tentang kebudayaan.

Dinding-dinding Alhambra, di sekeliling pancuran-pancuran air, terukir sajak-sajak Wāzīr ibn Zamrak, salah satu penyair terbesar dalam bahasa Arab, salah satu orang Sepanyol terakhir yang menulis dalam bahasa Arab.

Dan di sanalah muncul sepanjang masa penyair-penyair lain, dan di sanalah meninggal Federico Garcia Lorca yang ciptaannya berakar di Andalus.

Tak jauh dari situ Raja Sabela, mustāmid, menyair dan ke sebelah utara penyair dan Raja Nasrani Alfonso kemudian mendirikan Univeristi Salamanca, memerintahkan terjemahan tafsir Qur'an dan buku-buku pengetahuan Arab. Mereka adalah beberapa dari tokoh-tokoh yang sekian banyak dalam pertumpahan yang mengatasi perjuangan dan perang saudara.



(sambungan daripada muka 8)

hilah mereka itu bagi makan harta manusia dengan batil. Dan bermoral ini nasihatku, *wa shallā Allāhu 'alā saydīnā Muḥammad wa ālihi wa ṣaḥbihi wa sallam*

Tanda tangan yang berfatwa:

Syed 'Alwī ibn 'Abbās al-Mālikī.

Tanda tangan guru-guru yang bersetuju dengan ini fatwa:

Husin Sa'id Yamani

Muhammad Nur ibn Sayāf

Muhammad al-'Arabi

Zakaria Abdullah Bila

Husin Muhammad Īsa Padang

Abdullah Lihaji

Pakda Wan Ismail bin Abdul Kadir al-Fatani.

¹ Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

² Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

³ Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

⁴ Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

⁵ Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

⁶ Perkataan tidak dapat dikenalpasti.